

## KAJIAN KES: PELAKSANAAN PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DI PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI

Farzana Syuhada Binti Ahmad Sabri  
syuhadafarzana7@gmail.com  
Hajarul Bahti Binti Zakaria  
hajarul@ipgkik.edu.my

### AbstraK

*Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran yang wajib untuk dipelajari oleh semua murid Muslim termasuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK). Pendidikan Islam bagi MBPK semakin diberi penekanan sebagaimana Pendidikan Islam kepada murid-murid di arus perdana. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka persediaan dan pelaksanaan serta masalah dan cadangan penambahbaikan pengajaran Pendidikan Islam kepada MBPK di Program Pendidikan Khas Integrasi. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif. Kajian ini memperoleh data menggunakan kaedah temu bual secara berstruktur melibatkan 2 orang guru Pendidikan Islam yang mengajar di Program Pendidikan Khas Integrasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru berperanan penting dalam memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada murid berkeperluan khas. Persediaan pengajaran yang terancang dan pelaksanaan pengajaran yang berstruktur dapat memberikan impak yang baik kepada pembelajaran Pendidikan Islam murid berkeperluan khas. Kesimpulannya, guru hendaklah menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran-kemahiran untuk menambah baik pengalaman pembelajaran kepada MBPK.*

*Kata Kunci: pengajaran, Pendidikan Islam, Program Pendidikan Khas Integrasi, murid berkeperluan pendidikan khas, Pendidikan Khas*

### Abstract

*Islamic Education was an essential subject to be learned by Muslim students, including students with special needs. Islamic Education to special needs students had been emphasized to be equal as students in mainstream. This research focused on the teacher's role as an educator in classrooms to give better learning experience to the students with special needs. The purpose of this research was to explore the preparation, implementation, problem and improvements of Islamic Education on students with special needs. The research employed qualitative research approach. The data for this study were collected through structured interviews that involved 2 participants who were educator whom teach Islamic Education on Integrated Special Education Programme. The findings of the study revealed that teachers held an important role to offer better Islamic Education learning experience for students with special needs. Planned preparation and structured implementation leave a good impact on Islamic Education learning for students with special needs. In conclusion, the teacher needed to learn new knowledge and skills to improve Islamic Education learning experience for students with special needs.*

*Keyword: teaching, Islamic Education, Integrated Special Education Programme, students with special needs, Special Education*

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Program yang dimulakan pada tahun 1962 ini dilaksanakan bertujuan untuk memberikan peluang pendidikan kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) supaya mereka dapat belajar di sekolah seperti murid yang lain. KPM juga telah menjayakan Program j-QAF pada tahun 2003 sebagai usaha untuk memperkasakan Pendidikan Islam di sekolah rendah. Program j-QAF merupakan akronim bagi Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain (Ahmad Mohd Salleh, 2011). KPM telah meneliti kurikulum Pendidikan Islam supaya sesuai bagi MBPK. Walau bagaimanapun,

keberkesanan program dan kurikulum Pendidikan Islam di PPKI kurang dibahasakan di dalam mana-mana kajian (Norakyairee Mohd Raus, et al., 2013).

### **PENYATAAN MASALAH**

Dewasa ini, Pendidikan Islam bagi MBPK semakin diberi penekanan sebagaimana Pendidikan Islam kepada murid-murid di arus perdana. Pelbagai program yang dianjurkan oleh organisasi bukan kerajaan (NGO), organisasi di bawah kerajaan serta di bawah Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) bagi memberikan pendedahan tentang Pendidikan Al-Quran serta Pendidikan Islam kepada golongan orang kurang upaya (OKU). Namun yang demikian, kajian tentang mata pelajaran Pendidikan Islam kepada MBPK adalah kurang berbanding kajian terhadap mata pelajaran yang lain (Noornajihan Jaafar, *et al.*, 2014). Terdapat banyak kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas terhadap penguasaan atau kaedah pengajaran dan pembelajaran Al-Quran kepada MBPK yang memiliki masalah fizikal seperti masalah pendengaran dan penglihatan. Walau bagaimanapun, pengkaji menghadapi masalah dalam mencari kajian berkaitan dengan pengajaran Pendidikan Islam di PPKI atau kepada MBPK yang mempunyai masalah pembelajaran. Maklumat dan situasi pengajaran Pendidikan Islam sebenar di PPKI tidak diketahui dan dianalisis oleh masyarakat dan ahli-ahli profesional yang mahir dalam Pendidikan Islam. Sekiranya maklumat terhadap pengajaran Pendidikan Islam di PPKI dijalankan dengan lebih sistematik, hal ini akan memberikan kebaikan kepada siswa guru pelatih dan guru-guru Pendidikan Islam yang mengajar kepada MBPK. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat tentang pengajaran Pendidikan Islam di PPKI.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Meneroka persediaan guru sebelum mengajar Pendidikan Islam kepada MBPK.
2. Meneroka pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam untuk PPKI di sekolah.
3. Mengenal pasti masalah yang dihadapi dalam proses pengajaran Pendidikan Islam di PPKI.
4. Mengenal pasti penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam kepada MBPK.

### **SOALAN KAJIAN**

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk menjawab persoalan-persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah persediaan yang dilakukan oleh guru sebelum mengajar Pendidikan Islam kepada MBPK?
2. Bagaimana pengajaran Pendidikan Islam dilaksanakan di PPKI?
3. Apakah masalah yang dihadapi dalam proses pengajaran Pendidikan Islam di PPKI?
4. Apakah penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam kepada MBPK?

### **TINJAUAN LITERATUR**

Teori Pendidikan Islam Ibnu Khaldun dan Teori Konstruktivisme Lev Vygotsky digunakan terhadap kajian ini. Teori Pendidikan Islam Ibnu Khaldun menjurus kepada peranan guru dalam pengajaran. Teori Pendidikan Islam Ibnu Khaldun memberi penegasan terhadap tiga aspek iaitu, kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran dan sikap guru. Kurikulum adalah terbatas pada maklumat dan pengetahuan yang diberikan kepada murid semasa menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas. Kurikulum adalah penting kepada guru dalam merancang sesi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan sesuai dengan keperluan murid. Kaedah pengajaran di dalam kelas bukan sahaja secara komunikasi satu hala tetapi perlu dipelbagaikan mengikut tahap murid, suasana dan perbezaan mengikut negara Islam (Ghazali Darusalam, 2009). Menurut Ibnu Khaldun, guru hendaklah

menjaga kedudukan, kehormatan dan kemuliaan diri di hadapan murid, mencipta suasana pembelajaran yang menarik, mempunyai sifat pengasih dan penyayang serta dapat menahan amarah.

Teori Konstruktivisme Lev Vygotsky menjurus kepada bimbingan terhadap kanak-kanak oleh orang dewasa. Teori ini menegaskan bahawa bimbingan daripada orang dewasa dan orang yang berkemahiran dapat membantu kanak-kanak dalam mempelajari dan menguasai kemahiran atau pengetahuan yang tidak difahaminya. Bimbingan dan sokongan yang diberikan hasil daripada interaksi kanak-kanak dengan orang dewasa atau kanak-kanak lain, memberi peluang kepada kanak-kanak untuk mempelajari kaedah penyelesaian masalah. Daripada interaksi tersebut, kanak-kanak bukan sahaja dapat meningkatkan perkembangan diri dari aspek ilmu pengetahuan dan kemahiran. Perkara ini juga dapat meningkatkan perkembangan sosial kanak-kanak melalui interaksi dan komunikasi dengan orang dewasa seperti ibu bapa dan guru atau kanak-kanak lain yang berkemahiran.

Teori Pendidikan Islam Ibnu Khaldun dan teori konstruktivisme Lev Vygotsky mempunyai persamaan yang setara dan sesuai dengan kajian yang dilakukan. Pertama sekali, peranan utama guru sebagai mentor dalam PdP. Teori Pendidikan Islam Ibnu Khaldun menegaskan sifat yang perlu ada dalam diri seorang guru manakala teori konstruktivisme pula menegaskan interaksi kanak-kanak dengan orang dewasa sebagai pembimbing. Peranan guru amat penting bagi memastikan PdP berjalan dengan lancar dan berkesan. Guru hendaklah menyampaikan ilmu pengetahuan dan kemahiran Pendidikan Islam yang betul kepada murid (Ghazali Darusalam, 2009). Berdasarkan aspek sikap guru, guru hendaklah menjadi suri teladan kepada murid (Ghazali Darusalam, 2009). Guru hendaklah mempamerkan akhlak yang terpuji dalam kehidupan seharian. Hal ini demikian kerana murid melihat guru sebagai ikon yang dijadikan teladan. Perwatakan guru yang baik, prihatin dan ramah juga menjadikan guru sebagai individu yang mudah untuk didekati oleh murid-murid. Justeru itu, murid-murid berasa gembira dan sentiasa bersedia untuk menjalani pembelajaran dengan bersemangat.

Selain itu, guru bertanggungjawab sebagai pembimbing yang membantu murid-murid. Dalam pelajaran Pendidikan Islam, murid-murid akan mempelajari perkara-perkara yang abstrak. Terdapat pelbagai perkara yang tidak diketahui dan menjadi persoalan dalam minda murid-murid. Oleh itu, guru hendaklah berperanan sebagai pembimbing untuk memberi kefahaman yang mendalam kepada murid terhadap perkara yang dipelajari. Bagi memberi kefahaman yang mendalam terhadap tajuk yang dipelajari, guru hendaklah merancang PdP yang menarik dan sesuai dengan keupayaan murid. Guru hendaklah kreatif dalam menyediakan BBM yang sesuai dan interaktif. Bahan bantu mengajar yang sesuai dengan tahap keupayaan murid dapat memberikan kefahaman kepada murid terhadap pelajaran. Selain itu, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran menjadikan proses PdP lebih interaktif (Abdul Jasheer Jayaseelan, *et al.*, 2019). Oleh itu, guru sewajarnya menguasai pelbagai ilmu dan kemahiran untuk mewujudkan pengajaran yang interaktif dan menarik kepada murid-murid. Justeru itu, murid bukan sahaja mendapat ilmu pengetahuan tentang pelajaran malah mereka juga akan mendapat pengalaman pembelajaran yang tidak akan dilupakan.

Persamaan kedua bagi kedua-dua teori adalah pembelajaran yang aktif. Berdasarkan teori Ibnu Khaldun, guru hendaklah menyesuaikan pengajaran mengikut kesesuaian PdP dan suasana pembelajaran. Oleh itu, kaedah yang diaplikasikan oleh guru semasa mengajar adalah penting. Hal ini demikian kerana penggunaan kaedah yang sesuai mewujudkan pembelajaran yang berkesan dan meninggalkan kesan yang mendalam kepada murid-murid. Selain daripada kaedah pengajaran, guru juga hendaklah menyesuaikan suasana pengajaran dengan ilmu yang akan disampaikan kepada murid-murid. Sebagai contoh, setelah guru mengajar doa memasuki tandas kepada murid di dalam kelas, guru membawa murid-murid ke tandas sekolah dan mengajar murid doa memasuki tandas dengan betul. Perkara ini dapat memberikan pembelajaran yang lebih bermakna kepada murid-murid berbanding hanya mengajar murid secara teori di dalam kelas. Penyediaan dan penggunaan BBM dapat membantu dalam memberi bimbingan yang berkesan kepada murid.

Fokus bagi kajian ini adalah kepada guru Pendidikan Islam. Peranan guru adalah penting kepada sistem pendidikan negara. Terutama bagi PPKI, MBPK memerlukan perhatian dan bimbingan yang berterusan daripada guru dan Pembantu Pengurusan Murid (PPM) (Mohd Shahril Othman, *et al.*,

2020). Oleh itu, guru menjadi subjek bagi kajian penyelidikan ini. Kajian ini memfokuskan kepada empat objektif utama iaitu persediaan pengajaran, pelaksanaan pengajaran, masalah dan penambahbaikan pengajaran Pendidikan Islam di PPKI. Persediaan pengajaran sewajarnya dilakukan dengan teliti untuk memberikan pelajaran yang bermakna dan berkesan kepada murid (Normazidah Mahmood, 2012). Persediaan mengajar dari aspek bahan bantu mengajar, kemahiran teknologi dan multimedia dan persediaan diri dari segi mental harus dititikberatkan dalam merancang Pdp. Persediaan pengajaran yang terancang membantu guru melaksanakan pengajaran kepada MBPK (Normazidah Mahmood, 2012).

## METODOLOGI KAJIAN

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kes menggunakan reka bentuk kualitatif. Kajian kes dipilih kerana ingin menghurai isu-isu dan masalah dalam pelbagai perspektif terutamanya yang melibatkan sikap, pandangan, kepercayaan, perasaan, tingkah laku dan persepsi melalui pandangan seorang pendidik. Berdasarkan konteks persoalan kajian untuk meneroka pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam di PPKI, reka bentuk kajian kualitatif adalah sangat sesuai bagi meneroka permasalahan dengan terperinci.

### Peserta Kajian

Peserta kajian ini dipilih secara teknik persampelan bertujuan. Pemilihan persampelan bertujuan adalah untuk menentukan responden kajian yang sesuai dan khusus bagi mencapai objektif kajian yang dikehendaki. Persampelan bertujuan merupakan persampelan bukan rawak iaitu memberi tumpuan terhadap ciri-ciri spesifik yang perlu ada terhadap responden. Bagi kajian ini, subjek kajian yang dihadkan adalah 2 orang guru. 2 orang guru yang dijadikan sebagai subjek kajian hendaklah mengajar Pendidikan Islam di kelas PPKI. Rasional pemilihan bagi subjek kajian adalah untuk mendapatkan maklumat terperinci daripada guru-guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam di PPKI. Ciri yang kedua adalah guru hendaklah mempunyai pengalaman mengajar di PPKI sekurang-kurangnya selama lima tahun. Kedua-dua guru yang dijadikan sebagai subjek kajian ini telah mengajar di PPKI lebih daripada lima tahun.

### Pengumpulan Dan Penganalisan Data

Kaedah temu bual dipilih bagi mendapatkan maklumat yang telus dan terperinci daripada sampel kajian. Soalan temu bual dibina berdasarkan kepada pembacaan pengkaji dan mendapat pengesahan daripada ahli yang pakar dalam bidang tersebut. Set soalan dibahagikan kepada empat bahagian mengikut objektif yang dikehendaki oleh pengkaji. Kaedah pengumpulan data dilakukan melalui kaedah temu bual. Kaedah temu bual berstruktur dijalankan secara atas talian menerusi aplikasi *Zoom* setelah mendapat persetujuan melalui sampel kajian. Temu bual yang dijalankan ditranskrip ke dalam bentuk teks. Transkrip temu bual tersebut dianalisis dan dibahagikan mengikut tema.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### 1. Persediaan Guru Pendidikan Islam

Jadual 1  
Persediaan Guru Pendidikan Islam

Persediaan Guru	Tema
Mental	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sokongan</li><li>• Pengalaman</li><li>• Sikap</li></ul>
Pengetahuan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ilmu</li><li>• Kemahiran</li></ul>
Bahan Bantu Mengajar	<ul style="list-style-type: none"><li>• Buku</li><li>• Bahan Visual</li><li>• Bahan Taktil</li><li>• Aplikasi</li><li>• Multimedia</li></ul>
Kemahiran	<ul style="list-style-type: none"><li>• Teknologi dan Multimedia</li></ul>

Analisis dapatan temu bual yang dimuatkan dalam Jadual 1 dibahagikan kepada empat aspek persediaan guru. Pertama sekali, persediaan mental guru. Berdasarkan analisis temu bual dalam Jadual 1 menunjukkan tiga tema iaitu sokongan, pengalaman dan sikap. GPI1 dan GPI2 merupakan guru-guru yang tidak mempunyai pengalaman terhadap Pendidikan Khas. GPI1 mendapat sokongan daripada ahli keluarga untuk mengajar kepada MBPK di PPKI. Sokongan daripada ahli keluarganya memberikan beliau kekuatan untuk mengajar di PPKI. GPI2 mempunyai pengalaman mengajar di sekolah orang Asli. Beliau merasakan bahawa mengajar Pendidikan Islam kepada MBPK adalah sama seperti mengajar kepada murid Orang Asli. Selain itu, berdasarkan temu bual bersama GPI2, pengkaji mendapati bahawa GPI2 bersikap positif terhadap tugas yang diberikan kepadanya. Beliau tidak mengeluh apabila diberi tugas untuk mengajar Pendidikan Islam kepada MBPK daripada pentadbir sekolah. Malah, beliau menambah pengetahuan dan kemahiran mengajar murid daripada pelbagai latar belakang.

Seterusnya, aspek persediaan pengetahuan guru. Berdasarkan analisis temu bual dalam Jadual 1 menunjukkan persediaan pengetahuan guru mempunyai dua tema iaitu ilmu dan kemahiran. Pertama sekali, kedua-dua subjek kajian mempunyai ilmu tentang mata pelajaran pengajaran dan MBPK. Kedua-dua subjek merupakan guru yang mempunyai ijazah dan pentauliah dalam Pengajian Islam. Oleh itu, mereka mempunyai pengetahuan yang jelas terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Namun begitu, kedua-dua subjek kajian tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap Pendidikan Khas. Walaupun kedua-dua GPI mempunyai pengetahuan asas tentang murid-MBPK. Namun, mereka tidak menguasai ilmu dan kemahiran untuk mengendalikan MBPK di dalam kelas. Oleh itu, kedua-dua GPI mendapatkan bimbingan daripada guru-guru Pendidikan Khas tentang kaedah untuk mengendalikan MBPK di dalam kelas.

Berdasarkan analisis temu bual dalam Jadual 1 menunjukkan persediaan bahan bantu mengajar mempunyai lima tema. Berdasarkan analisis temu bual bersama GPI1, beliau menggunakan empat jenis bahan bantu mengajar iaitu, buku, bahan visual, bahan taktil dan aplikasi elektronik. GPI1 menegaskan bahawa, bukan semua bahan bantu mengajar digunakan bagi setiap PdP. Menurut beliau, setiap bahan bantu mengajar digunakan mengikut kesesuaian tajuk yang diajar. Oleh itu, murid tidak merasa bosan terhadap pengajaran sekiranya guru menggunakan jenis bahan bantu mengajar yang sama bagi pelajaran atau bidang yang berbeza. GPI2 menyediakan bahan visual dan multimedia sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajarannya. Kedua-dua bahan bantu mengajar ini digunakan secara konsisten oleh GPI2. Menurut beliau, kedua-dua bahan bantu mengajar ini memberikan impak yang positif kepada MBPK semasa sesi PdP.

Aspek persediaan guru yang terakhir adalah aspek kemahiran guru. Berdasarkan analisis temu bual dalam Jadual 1, terdapat satu tema yang dinyatakan oleh kedua-dua subjek kajian iaitu kemahiran teknologi dan multimedia. Kedua-dua subjek kajian menyatakan bahawa mereka mempunyai kemahiran terhadap teknologi dan multimedia. GPI2 menggunakan komputer riba dan peralatan lain seperti *LCD Projector* untuk memainkan video atau audio nyanyian kepada murid.

## 2. Pelaksanaan Pengajaran Pendidikan Islam

Jadual 2

*Pelaksanaan Pengajaran Pendidikan Islam*

Pelaksanaan Pengajaran	Tema
Kaedah Pengajaran	<ul style="list-style-type: none"><li>• Berpusatkan guru</li><li>• Berpusatkan murid</li><li>• Berpusatkan bahan</li><li>• Pembelajaran Masteri</li><li>• Pembelajaran Koperatif</li></ul>
Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penceritaan</li><li>• Nyanyian</li><li>• Aktiviti Berpandukan Bahan</li><li>• Teknologi</li></ul>
Penggunaan Teknologi dan Multimedia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Video</li><li>• Audio</li></ul>

Analisis dapatan temu bual yang dimuatkan dalam Jadual 2 dibahagikan kepada empat aspek pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam. Pertama sekali, dari aspek pelaksanaan kaedah pengajaran. Berdasarkan jadual 2, terdapat lima tema bagi kaedah pengajaran guru. GPI1 menggunakan tiga kaedah pengajaran iaitu pengajaran berpusatkan guru, pengajaran berpusatkan murid dan pengajaran berpusatkan bahan. GPI2 pula menggunakan dua kaedah pengajaran iaitu, pembelajaran masteri dan pembelajaran koperatif. Pembelajaran masteri merupakan kaedah pembelajaran yang melibatkan murid untuk menguasai pembelajaran dengan sepenuhnya. Kaedah pembelajaran ini memfokuskan kepada penguasaan murid terhadap suatu topik atau pelajaran yang dipelajari (Subdrah Madhawa, N., & Sakunthala, G. D., 2014). Pembelajaran koperatif pula merujuk kepada kaedah pengajaran yang mengumpulkan murid daripada pelbagai kebolehan dalam kumpulan kecil untuk mencapai satu matlamat pembelajaran yang sama (Syahida Nadia Zakaria, 2015). Kaedah pembelajaran ini melibatkan murid untuk berinteraksi di dalam kumpulan atau dengan murid-murid yang lain.

Seterusnya, pelaksanaan bahan bantu mengajar. Berdasarkan jadual 2, GPI1 menggunakan bahan bantu mengajar dengan kaedah penceritaan dan nyanyian. GPI1 menyediakan 3 jenis bahan bantu mengajar iaitu, buku, bahan visual dan bahan taktil. GPI1 menggunakan buku untuk bercerita kepada murid-murid. GPI1 juga mengubah suai lagu menggunakan kreativiti sendiri untuk mengajar kepada murid. Hal ini kerana guru ingin murid memahami pelajaran yang disampaikan olehnya. GPI menyatakan bahawa murid mengingati perkara yang dipelajari dengan cekap apabila menggunakan nyanyian lagu. GPI1 juga menyatakan bahawa murid mengingati pelajaran dengan lebih lama apabila menggunakan kaedah nyanyian. GPI2 menggunakan kaedah pengajaran yang berbeza dengan GPI1. GPI2 menggunakan bahan bantu mengajar untuk melaksanakan aktiviti berpandukan bahan. Selain itu, GPI2 juga menggunakan teknologi dan multimedia dalam pengajaran. GPI2 menyatakan bahawa beliau menggunakan aplikasi *Youtube* untuk memaparkan video atau nyanyian nasyid kepada murid.

Berdasarkan analisis dalam Jadual 2, aspek pelaksanaan teknologi dan multimedia mempunyai dua tema iaitu video dan audio. Kedua-dua subjek kajian menggunakan video dan audio daripada aplikasi *Youtube*. Hal ini demikian kerana video dan audio mudah didapati daripada internet. Selain itu, terdapat beberapa video kartun atau animasi kanak-kanak yang sesuai digunakan bagi mengajar MBPK.

Hal ini demikian kerana murid dapat mempelajari pelajaran dengan mudah apabila melihat dan mendengar daripada video dan audio.

### 3. Masalah Pengajaran Pendidikan Islam

Jadual 3  
Masalah Pengajaran Pendidikan Islam

Masalah Pengajaran	Tema
Murid	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tumpuan</li><li>• Masa</li></ul>
Bahan Bantu Mengajar	<ul style="list-style-type: none"><li>• Murid</li><li>• Kualiti</li></ul>
Teknologi dan Multimedia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Murid</li><li>• Guru</li><li>• Peralatan</li></ul>
Kurikulum	<ul style="list-style-type: none"><li>• Guru</li><li>• Murid</li></ul>

Analisis dapatan temu bual yang dimuatkan dalam Jadual 3 dibahagikan kepada empat aspek masalah dalam pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam di PPKI. Masalah pertama dari aspek murid mempunyai dua tema utama iaitu, tumpuan dan masa. Berdasarkan transkripsi dalam Jadual 43, GPI1 menyatakan bahawa murid cepat bosan dengan proses PdP. Oleh itu, guru hendaklah sentiasa menarik perhatian murid terhadap pelajaran yang diajar. Selain itu, GPI2 menekankan tentang aspek masa. Berdasarkan transkripsi dalam Jadual 3, GPI2 mengajar Pendidikan Islam kepada MBPK secara berulang-ulang. Hal ini demikian kerana MBPK tidak dapat memahami sesuatu pelajaran dengan cekap seperti murid-murid yang normal. Oleh itu, guru mengambil masa yang lama untuk mengajar sesuatu topik kepada MBPK.

Masalah kedua bagi aspek masalah pengajaran adalah masalah bahan bantu mengajar. Masalah bahan bantu mengajar mempunyai dua tema utama iaitu, murid dan kualiti. Menurut GPI1, MBPK merupakan salah satu masalah penggunaan bahan bantu mengajar semasa pengajaran guru. Bahan bantu mengajar menjadi salah satu alat distraktor murid terhadap pembelajarannya. Murid tidak menumpukan sepenuh perhatian kepada pengajaran yang disampaikan oleh guru. Oleh kerana itu, guru terpaksa mengajar suatu topik kepada murid secara berulang kali.

Selain itu, masalah kedua bagi bahan bantu mengajar adalah kualiti bahan bantu mengajar tersebut. Berdasarkan transkripsi temu bual bersama GPI2, dapat dilihat bahawa bahan bantu mengajar yang tidak berkualiti akan mudah untuk rosak dan tidak tahan lama. Tambahan lagi apabila bahan bantu mengajar tersebut diberikan kepada MBPK yang mempunyai masalah seperti tidak dapat mengawal alat artikulasi. Sesetengah MBPK yang mempunyai masalah artikulasi tidak dapat mengawal air liur mereka sendiri. Oleh itu, air liur mereka mengakibatkan bahan bantu mengajar terutamanya yang diperbuat daripada kertas atau kotak akan rosak dan tidak dapat digunakan untuk sesi PdP yang akan datang.

Masalah ketiga adalah masalah penggunaan teknologi dan multimedia semasa mengajar di kelas. Terdapat tiga tema daripada analisis dapatan temu bual dalam Jadual 3 iaitu murid, guru dan peralatan. Pertama sekali, MBPK sangat menyukai penggunaan teknologi dan multimedia dalam pembelajaran. Namun begitu, apabila murid terlalu fokus terhadap multimedia seperti video yang ditayangkan oleh guru, murid tidak mahu meneruskan proses PdP. Oleh itu, guru tidak dapat meneruskan pengajaran yang telah disediakan kepada murid-murid. Hal ini secara tidak langsung, PdP tidak dapat berjalan dengan lancar seperti yang dirancang dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH) guru.

Guru juga merupakan masalah utama dalam aspek teknologi dan multimedia. GPI2 menyatakan bahawa MBPK lebih arif tentang multimedia berbanding guru sendiri. Kedua-dua GPI mempunyai ilmu dan kemahiran yang lemah terhadap teknologi dan multimedia. Kebanyakan guru-guru menggunakan video dan audio yang diambil daripada aplikasi *Youtube*. Selain itu, terdapat beberapa animasi dan video yang sesuai dijadikan sebagai bahan PdP terhadap pelajaran. Subjek kajian kurang mahir terhadap penggunaan teknologi dan multimedia dalam pengajaran. Kedua-dua GPI tidak meneroka aplikasi-aplikasi digital yang dibangunkan seperti *Kahoot!*, *Quizizz* dan *Wordwall*. Oleh itu, guru mempunyai sumber pengajaran yang terhad untuk digunakan dalam sesi pengajaran bersama murid-murid.

Masalah yang terakhir adalah peralatan. Setiap sekolah mempunyai peralatan bagi teknologi dan multimedia seperti *LCD Projector*. Walaupun begitu, penggunaan peralatan tersebut adalah terhad. Semua guru ingin menggunakan kemudahan dan peralatan teknologi dan multimedia yang disediakan. Oleh itu, terdapat guru yang tidak dapat menggunakan peralatan dan kemudahan tersebut. Tambahan pula, apabila peralatan seperti *LCD Projector* digunakan secara berterusan, ia akan menyebabkan peralatan tersebut rosak. Peralatan yang rosak mengambil masa yang lama untuk dibaiki atau diganti dengan peralatan yang baharu. Oleh itu, guru mengajar menggunakan kaedah tradisional sementara menantikan peralatan yang telah dibaiki atau peralatan yang baharu.

Masalah terakhir bagi aspek masalah pengajaran adalah masalah kurikulum sedia ada. Berdasarkan analisis dalam jadual 3, tema bagi aspek masalah kurikulum dibahagikan kepada dua tema. Tema pertama ialah guru. Menurut GPI1, beliau menyatakan bahawa kurikulum sedia ada telah dikaji dengan teliti oleh ahli-ahli yang profesional. Oleh itu, tugas guru adalah untuk memodifikasikan kurikulum iaitu DSKP mengikut kemampuan murid. Hal ini supaya murid dapat mencapai objektif yang ditetapkan sesuai seperti yang telah ditetapkan di dalam DSKP.

Seterusnya, tema kedua ialah murid. GPI2 menyatakan bahawa setiap murid mempunyai minat yang berbeza-beza. Oleh itu, apabila guru merancang pengajaran kepada MBPK, guru hendaklah menitikberatkan kemampuan, kekuatan dan minat murid-murid. Guru sewajarnya menggabungkan jalin satu atau lebih subjek dalam pengajaran Pendidikan Islam. Sebagai contoh, apabila mengajar bilangan rakaat dalam solat, guru mengajar menggunakan kaedah nyanyian dan menunjukkan nombor bagi bilangan rakaat. Pengajaran seperti ini dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada murid-murid. Tambahan pula, perkara ini menjadikan murid lebih tertarik kepada pengajaran. Murid dapat mengikuti suatu pembelajaran dengan lebih cekap dan pengetahuan tersebut diingati dengan lebih lama.

#### 4. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN TERHADAP MASALAH PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

Jadual 4

Cadangan Penambahbaikan Terhadap Masalah Pengajaran Pendidikan Islam

Cadangan Penambahbaikan	Tema
Murid	<ul style="list-style-type: none"><li>• Aktiviti Berpusatkan Murid</li><li>• Kemahiran</li><li>• Pengalaman</li></ul>
Bahan Bantu Mengajar	<ul style="list-style-type: none"><li>• Murid</li><li>• Kemahiran</li><li>• Peraturan</li></ul>
Teknologi dan Multimedia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kemahiran</li><li>• Peraturan</li></ul>

Analisis dapatan temu bual yang dimuatkan dalam Jadual 4 dibahagikan kepada tiga aspek cadangan penambahbaikan terhadap persediaan dan pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam di PPKI. Cadangan



penambahbaikan yang pertama adalah terhadap masalah murid. Berdasarkan analisis dalam Jadual 4 menunjukkan tiga tema utama iaitu aktiviti berpusatkan murid, pengalaman dan kemahiran. GPI1, menyatakan bahawa salah satu cadangan bagi mengurangkan masalah murid di dalam kelas adalah dengan mengadakan aktiviti berpusatkan murid. Hal ini demikian kerana aktiviti berpusatkan murid dapat mengalihkan perhatian murid daripada distraktor yang mengganggu fokus murid terhadap pembelajaran.

Selain daripada aktiviti berpusatkan murid, guru hendaklah mengaplikasikan kemahiran pengurusan bilik darjah. Ilmu dan kemahiran pengurusan bilik darjah amat penting kepada guru-guru. Pengurusan bilik darjah merupakan disiplin ilmu yang membantu guru untuk mengetahui kaedah bagi mengawal kelas agar sesi pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan secara efisien dan sistematik. Tambahan pula, pengaplikasian pengurusan bilik darjah yang baik memberikan impak yang positif terhadap tingkah laku murid terhadap pembelajaran. Guru juga hendaklah memahirkan diri dengan ilmu pengurusan tingkah laku murid. Hal ini supaya guru dapat menilai tingkah laku murid sama ada tingkah laku negatif atau positif. Oleh itu, guru dapat merancang dan melaksanakan pengurusan tingkah laku yang sesuai mengikut masalah dan kemampuan murid tersebut. Akhir sekali adalah pengalaman. Menurut GPI2, pengalaman dapat menjadikan guru lebih berpengetahuan dan berkemahiran dalam melaksanakan pengurusan bilik darjah bagi murid-murid. Oleh itu, guru hendaklah menimba pengalaman serta mendapat bimbingan daripada guru-guru yang lebih berpengalaman pengurusan murid dan kawalan kelas.

Cadangan penambahbaikan yang kedua adalah masalah bahan bantu mengajar. Analisis dalam Jadual 4 menunjukkan tiga tema penambahbaikan bahan bantu mengajar iaitu murid, kemahiran dan peraturan. Menurut GPI2, guru hendaklah menyediakan bahan bantu mengajar mengikut jumlah murid sedia ada dalam satu kelas. Sebagai contoh, sekiranya satu kelas mempunyai 6 orang murid, maka guru hendaklah menyediakan 6 bahan bantu mengajar. Hal ini demikian kerana bagi mengelakkan perebutan bahan bantu mengajar dalam kalangan murid-murid. Sebagai langkah berjaga-jaga, GPI2 mencadangkan supaya bahan bantu mengajar yang disediakan oleh guru hendaklah melebihi bilangan murid di dalam kelas.

Selain itu, bahan bantu mengajar yang dibuat oleh guru hendaklah kreatif dan mampu menarik minat murid. Berdasarkan transkripsi dalam Jadual 4, guru hendaklah kreatif dalam membina bahan bantu mengajar seiring dengan minat murid. Guru hendaklah membina dan mencipta bahan bantu mengajar dengan menerapkan elemen warna, tekstur, jenis bahan dan minat murid. Melalui penerapan elemen tersebut, bukan sahaja guru dapat meningkatkan kualiti pengajaran malah murid juga mampu memberikan tumpuan dan kefahaman terhadap pembelajaran mereka.

Seterusnya, tema terakhir bagi cadangan penambahbaikan bahan bantu mengajar adalah peraturan. Guru hendaklah membuat peraturan sebelum murid menggunakan bahan bantu mengajar. Hal ini supaya murid mengetahui perkara yang boleh dilakukan atau perkara yang tidak boleh dilakukan semasa menggunakan bahan bantu mengajar tersebut.

Analisis dalam Jadual 4 menunjukkan dua tema penambahbaikan teknologi dan multimedia dalam pengajaran iaitu kemahiran dan peraturan. Menurut GPI2, melalui penggunaan teknologi dan maklumat, murid mudah tertarik dengan pengajaran guru tersebut. Hal ini akan menyebabkan murid-murid berebut untuk menggunakan kemudahan tersebut. Sebagai langkah penambahbaikan, GPI2 mencadangkan guru membuat peraturan kepada murid-murid. Contohnya, guru memberikan peluang kepada murid untuk menggunakan teknologi dan multimedia secara bergilir-gilir. Oleh itu, semua murid dapat menggunakan kemudahan tersebut secara adil.

Selain itu, guru juga hendaklah berkemahiran dalam mengawal kelas. Guru mestilah mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam mengawal tingkah laku murid-murid yang bermasalah. Pengetahuan dan kemahiran pengurusan bilik darjah hendaklah sentiasa dipraktikkan agar kelas berada dalam keadaan yang terkawal. Pengurusan tingkah laku juga hendaklah seiring dengan pengaplikasian

kemahiran pengurusan bilik darjah. Penerapan pengurusan tingkah laku di dalam kelas dapat membantu guru mengawal tingkah laku yang negatif dalam diri MBPK.

### KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Guru Pendidikan Islam bertanggungjawab untuk menyampaikan Pendidikan Islam kepada MBPK (Glazzard, J., *et al.* 2015). Guru hendaklah sentiasa bersikap positif dan berdedikasi mengajar Pendidikan Islam kepada murid berkeperluan khas. Setiap guru hendaklah bersedia dari aspek mental, fizikal, emosi, pengetahuan dan kemahiran (Abdul Halim Masnan, & Nor Mashitah Mohd Radzi, 2015). Persediaan mental, penghayatan ilmu dan pengaplikasian kemahiran guru hendaklah sentiasa diperbaharui dari semasa ke semasa. Oleh itu pengaplikasian aspek-aspek tersebut terhadap pengajaran guru mewujudkan sesi pembelajaran yang interaktif kepada MBPK (Boon Pong Ying, *et al.*, 2017). Oleh itu, murid menjadi lebih aktif dalam bilik darjah serta memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada mereka

Kajian terhadap pengajaran Pendidikan Islam kepada murid berkeperluan khas hendaklah diteruskan oleh guru-guru. Kajian yang dilakukan hendaklah bertujuan untuk memperbaiki mutu pengajaran Pendidikan Islam dan kualiti guru yang mengajar Pendidikan Islam kepada murid-murid Pendidikan Khas. Hal ini supaya murid mendapat manfaat yang sepenuhnya daripada pengajaran guru. Sebagai cadangan lanjutan, kajian ini boleh diteruskan dengan mengambil kira lima bidang dalam Pendidikan Islam dengan lebih terperinci. Selain itu, kajian ini juga dapat dilaukan bagi mendapatkan maklumat terhadap pengajaran Pendidikan Islam di program-program Pendidikan Khas lain yang ditawarkan oleh KPM.

#### Rujukan

- Abdul Halim Masnan, & Nor Mashitah Mohd Radzi. (2015). Pengetahuan Persediaan Pengajaran Prasekolah Baru. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 4, 90-108.
- Abdul Jasheer Jayaseelan, Noriati A. Rashid, Boon, P. Y., Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, & Wan Kamaruddin Wan Hasan. (2019). *Teknologi untuk Pengajaran dan Pembelajaran* (2nd ed.). Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Ahmad Mohd Salleh. (2011). *Kurikulum Metodologi dan Pedagogi Pendidikan Islam Edisi Kedua KPLI Pengajian Islam & j-qaf* (2nd ed.). Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Boon, P. Y., Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, & Noriati A. Rashid, A. R. (2017). *Murid dan Pembelajaran*. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Ghazali Darusalam. (2009). Teori Dan Model Pengajaran Pendidikan Islam. *Masalah Pendidikan*, (32), 113-138.
- Glazzard, J., Stokoe, J., Hughes, A., Netherwood, A., & Neve, L. (2015). *Teaching and supporting children with special educational needs and disabilities in primary schools*. Learning Matters.
- Mohd Shahril Othman, Abdullah Yusof, Raihan Mohd Arifin, Siti Rubiyani Omar, & Noradilah Abdul Wahab. (2020). Kompetensi Guru Pendidikan Khas Terhadap Murid Bermasalah Pembelajaran: Kajian Literatur.
- Noornajihan Jaafar, Norakyairee Mohd Raus, Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Norzulaili Mohd. Ghazalid, Robiatul Adawiyah Mohd, Syed Najihuddin Syed Hassan, Mahyuddin Hashim, Ab. Halim Tamuri, Norshidah Mohamed Salleh, & Mohd Isa Hamzah. (2014). Quran Education for Special Children: Teacher as Murabbi. *Creative Education*, 5, 435-444. <http://dx.doi.org/10.4236/ce.2014.57053>
- Norakyairee Mohd Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi, Norshidah Mohamed Salleh, Ab. Halim Tamuri, Norazman Alias, Norhasnira Ibrahim, Norullisza Khosim, Noornajihan Jaafar, & Hajjarul Bahti Zakaria. (2013). Pengajaran Al-Quran Braille: Isu dan Cabaran Semasa. *International Journal on Quranic Research (IJQR)*, 79-94.
- Normazidah Mahmood. (2012). Penggunaan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Guru Peringkat Sekolah Rendah: Satu Penilaian.
- Subadrah Madhawa, N., & Sakunthala, G. D. (2014). Kesan Penggunaan Kaedah Pembelajaran Masteri Terhadap Pencapaian dan Minat Pelajar dalam Mata Pelajaran Pengajian Am. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 29, 55-80.